

31 AUG 2000

Abdullah-Afta

KERJASAMA ERAT EON-PROTON PENTING UNTUK HADAPI CABARAN AFTA

SHAH ALAM, 31 Ogos (Bernama) -- EON dan Proton mesti terus mempertingkatkan kerjasama ke arah mengatasi cabaran yang akan dihadapi apabila perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan pada 2005, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan memperakui sinergi dan kerjasama erat yang wujud antara Proton dan EON telah memastikan kereta nasional tetap menjadi pilihan utama di Malaysia daripada segi kualiti, harga yang kompetitif dan khidmat selepas jualan yang kukuh.

"EON mestilah mewujudkan pasukan pengurusan yang responsif yang dapat menyesuaikan diri kepada perubahan menjelang 2005 iaitu apabila Afta dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan karnival jualan Proton Waja di ibu pejabat EON di Glenmarie dekat sini.

Proton (Perusahaan Otomobil Nasional) adalah pengeluar kereta nasional pertama manakala EON (Edaran Otomobil Nasional) adalah pengedarnya.

Pada 1 Jun lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mahu pelaksanaan perjanjian Afta ditangguh sehingga tahun 2005 dari 2003 untuk melindungi industri kereta nasional.

Awal tahun ini Asean bersetuju menangguhkan pemindahan produk CBU (siap pasang) dan CKD (pasang semula) dalam industri automotif daripada Senarai Pengecualian Sementara kepada Senarai Kemasukan Afta pada 1 Jan 2005.

Abdullah berkata beliau berbangga dengan usaha EON untuk terus membangunkan tenaga kerjanya, melatih serta mendorong mereka bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran yang mendatang.

Beliau berkata EON mempunyai rekod perhubungan industri yang amat baik dengan kadar kakitangan berhenti hanya 0.8 peratus sejak 10 tahun lepas.

Abdullah berkata beliau amat berbangga dengan penghasilan Proton Waja yang direkabentuk oleh jurutera tempatan dan sungguhpun program pembangunannya menelan belanja RM970 juta serta melibatkan 1.7 juta jam tenaga jurutera untuk menyiapkannya, ia memberi banyak manfaat kepada ekonomi negara.

"Melalui program ini, sebanyak RM400 juta dijangka dapat dijimatkan daripada aliran keluar mata wang asing. Ia dicapai dengan meminimumkan kandungan komponen yang diimport untuk Proton Waja," katanya.

Ia juga dijangka dapat menjana aliran masuk mata wang asing melalui eksport yang boleh mencapai setinggi RM450 juta kerana Proton Waja adalah sebuah kereta bertaraf dunia dan berdaya saing daripada segi kos, katanya.

Abdullah berkata, program itu juga memberi penjimatan besar pada kerugian mata wang yang tidak ketara iaitu daripada segi pembiayaan royalti tidak berulang, yang jumlahnya mungkin boleh mencapai RM500 juta pada kadar hayat produk.

Beliau yakin Proton Waja akan mendapat sambutan hangat daripada rakyat Malaysia dan menjadi kereta pilihan utama tetapi mengingatkan EON supaya terus meningkatkan kualiti dan khidmat selepas jualan.

"Hanya dengan meningkatkan kualiti khidmat jualan akan meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sesuatu barangan itu kerana rakyat Malaysia sudah menghargai dan menilai barangan yang terbaik," katanya.

Timbalan Perdana Menteri menggesa rakyat menyokong seruan untuk terus membeli barangan Malaysia dengan membeli kereta nasional kerana selain menjimatkan tukaran wang asing, ia juga membantu menghasilkan teknologi baru, membangunkan kepakaran tempatan, memberi pekerjaan serta membina usahawan dalam bidang vendor dan francais.

EON kini mempunyai 52 cawangan jualan dengan 35 daripadanya menawarkan khidmat lepas jualan, 123 wakil penjual, 157 wakil servis dan 92 wakil alat ganti bagi menyokong syarikat Proton.

Sehingga kini, EON telah melabur lebih RM230 juta dalam aktiviti

pengiklanan, pemasaran dan komunikasi untuk menjayakan jenama Proton.

Abdullah memuji EON kerana turut membangunkan usahawan Bumiputera dalam industri automotif dengan melantik 79 wakil francais jualan Bumiputera daripada sejumlah 123 wakil francais jualannya.

-- BERNAMA

AFY ES MAI